



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 26 JULAI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	PIRANHA CUBA DILEPAS DI MALAYSIA?, DALAM NEGERI, UM -12 PENYAKIT KULIT JANGKITI JERUNG DI SABAH BUKAN SEBAB FAKTOR MANUSIA, NASIONAL, SH -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	AGRICULTURE DEPT WORKS WITH SHOPEE UNVEILS E-DURIAN FESTIVAL, NANYANG SIANG PAU -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
4. 5. 6.	KAKITANGAN LPNM DITUDUH PALSUKAN DOKUMEN BEKALAN BENIH NANAS, NASIONAL, BH -20 KAKITANGAN LPNM DIDAKWA PALSU DOKUMEN, DALAM NEGERI, UM -13 TAK MENGAKU PALSUKAN DOKUMEN BENIH NANAS RM41K, LOKAL, HM -13	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
7.	ASSOCIATION WORKING WITH STATE GOVT TO HELP JOHOR FISHERMEN, NEWS, THE STAR -5	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (PNK)
8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	BERNAS EDAR 3,000 KOTAK MAKANAN, NASIONAL, BH -21 BERNAS DONATING 3,000 FOOD BOXES TO PANDEMIC - HIT GROUPS, NEWS, NST -10 BEKALAN AIR UNTUK SEKTOR PERTANIAN MENCUKUPI, HM -ONLINE BEKALAN AIR SEKTOR PERTANIAN MENCUKUPI, NEGERI PERAK/KEDAH, SH -33 TIGA TAN DURIAN HABIS DALAM 3 JAM, NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -32 MENDEPANI FASA TIDAK MENENTU, BISNES, HM -25 PKS PERLU TEROKA KAEDAH BAHARU, BISNES SINAR, SH -37 PKS PERLU TEROKA KAEDAH BAHARU BINA PERNIAGAAN, BISNES, BH -37 PERTANIAN MAKANAN RINGANKAN BEBAN GOLONGAN TERJEJAS COVID-19, CETUSAN, SH -18 WARGA USIM DILATIH HASILKAN PRODUK PERTANIAN, K2, KOSMO -18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/7/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Piranha cuba dilepas di Malaysia?

PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) memberi amaran kepada orang awam agar tidak sekali-kali cuba melepaskan ikan tertentu atau bukan asli ke perairan umum di negara ini.

Ini termasuk enam spesies piranha yang merupakan ikan air tawar berbahaya dari Amerika Selatan serta berupaya membunuh manusia apabila dalam situasi ancaman atau tertekan.

Menerusi infografik disiarkan akaun sosial agensi tersebut, spesies itu ialah keluarga Genus dari jenis *Serrasalmus*, *Serrasalmo*, *Pygocentrus*, *Catoprian*, *Pygopristis* dan *Pristobrycon*.

Ikan berkenaan dipercayai dipelihara secara haram oleh penggemar hidupan marin kerana ia bukan haiwan semula jadi negara ini dan kemungkinan besar diseludup masuk dari luar.

Bagaimanapun, mereka kemudian cuba melepaskan ikan asing itu ke kawasan tasik, sungai atau parit apabila tidak mahu lagi memelihara spesies itu atas faktor kos makanan mahal.

"Sekiranya ikan lasak ini dilepaskan di perairan umum, ia membawa implikasi gangguan kepada keseimbangan biodiversiti, habitat dan spesies asli," kata DOF melalui hantaran itu.

Ikan berkenaan juga ujarnya, boleh menjadi dominan apabila cepat membiak menguasai wilayah dan bersifat pemangsa agresif kepada ikan asli yang sedia ada di perairan tempatan.





Pada masa sama, DOF mengingatkan bahawa ikan luar itu menyumbang kepada bawaan penyakit baharu dan punca penyebaran selain pentularan wabak dalam perairan domestik.

Selain piranha, spesies tom-bot atau Genus *Hypostomus* yang lazim dirujuk sebagai ikan bandar raya kerana sifat suka makan alga dan membersihkan akuarium juga dilarang dilepaskan.

Turut terdapat dalam senarai itu ialah ikan kap perak (*Hypophthalmichthys molitrix*), kap kepala besar (*Hypophthalmichthys nobilis*) dan kap rumput (*Ctenopharyngodon idella*).

Antara ikan lain ialah ikan naga (*Arapaima*), baung ekor merah (*Hemibagrus wycktioides*), tilapia (*Oreochromis*) dan dua spesies bawal merah atau disebut pacu (*Colosomma* dan *Mylopus*).

DOF telah mewartakan larangan import ikan itu mengikut Peraturan Perikanan, Akta Perikanan 1985 yang boleh didenda maksimum RM1,000 atau penjara tidak lebih enam tahun.

	Genus Pygopristis Nama Tempatan Piranha
	Genus Pristobrycon Nama Tempatan Piranha
	Genus Colosomma/Piaractus Nama Tempatan Pacu/Bawal Merah
	Genus Mylopus/Myleus Nama Tempatan Pacu/Bawal Merah

ANTARA spesies ikan bukan asli yang dilarang Jabatan Perikanan untuk dilepaskan di perairan Malaysia. - IHSAN DOF

Penyakit kulit jangkiti jerung di Sabah bukan sebab faktor manusia

SEMPORNA - Faktor manusia boleh diketepikan sebagai punca penyakit kulit misteri yang menjangkiti jerung berhampiran lokasi menyelam popular di Pulau Sipadan dekat sini.

Bagaimanapun, ahli biologi Malaysia berpendapat, siasatan lanjut masih perlu dijalankan bagi mencari jawapan muk-

tamad membantu jerung berkenaan.

Ahli biologi marin kanan kumpulan pemuliharaan Reef Guardian, Davies Austin Spiji berkata, pakar marin perlu menjalankan siasatan lanjut berthubung fenomena itu tetapi usaha mereka terhad bagi tempoh jangka pendek kerana beberapa faktor.

Menurutnya, kumpulan tersebut juga memerlukan dana untuk menyokong penyelidikan mengenai fenomena yu atau Friaenodon obesus diserang penyakit.

"Satu pasukan penyiasat yang diketuai Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjalankan kerja lapangan pertama dari April hingga awal Mei lalu," katanya.

Selain Davies, pasukan itu mempunyai lima penyelidik iaitu Dr Mabel Manjaji Matsumoto, Dr Rafidah Othman, Muhammad Ali Syed Hussein, Dr Zarinah Waheed dan Dr Mohd Tamrin Mohd Lal, dari Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS (BMRI-UMS).

"Para penyelidik dapat melihat penyakit kulit itu pada setiap kumpulan yu yang ditemukan, tetapi sukar menangkap jerung itu bagi mendapatkan sampel kulit untuk analisis makmal.



DAVEIS AUSTIN

"Faktor manusia boleh diketepikan tetapi pemanasan laut antara satu daripada penyebab' selepas pasukan penyiasat mendapati suhu permukaan laut di Sipadan meningkat kepada 29.5 darjah Celsius pada Mei iaitu tinggi berbanding tahun 1985.

"Ia mungkin mengambil masa dua tahun untuk dapat memantau sepenuhnya dan menangani fenomena jerung berpenyakit," katanya.

Pulau Sipadan, dengan ketinggian 600 meter dari dasar laut terletak di pantai timur Sabah di Semporna, mengumpul sekitar 400 spesies ikan dan ratusan spesies karang.

Yu Sirip Putih, dinamakan sempena ciri *distinctif* warna putih pada hujung siripnya dan ikan itu biasanya terdapat di sekitar terumbu karang dan menjadi tarikan popular bagi penyelam. - *Bernama*



Punca Jerung di perairan Pulau Sipadan, Sabah ditjangkiti penyakit kulit masih dalam kajian.



26 JUL, 2021

Agriculture dept works with Shopee unveils e-Durian festival

Nanyang Siang Pau, Malaysia

榴梿飘香，果王魅力无法挡，你吃了榴梿吗？而你又是通过什么方式购买榴梿呢？随着网络科技的发达，加上疫情大流行，购买榴梿逐渐从过去的路边摊、门市等销售方式，转为线上销售，但要在网上安全购买优质且可靠的榴梿，就非得要大马联邦农业销售局的保证！

农业局携手 Shopee 线上榴梿嘉年华保证无假

网络的使用让网络骗子操作手法层出不穷。

近半年来由于网络诈骗案不断发生，有消费者对于网购的“榴梿”由始至终不无怀疑，导致部分消费者对于网购榴梿感到不安。

为此，大马联邦农业销售局 (FAMA) 与电子商务平台 Shopee 携手合作，举办线上榴梿嘉年华 (Durian e-Fiesta)，避免消费者上当受骗，同时还可提供诱人折扣，让消费者以更优惠的价格享受果王的美味滋味。

用户获保障

值得一提的是，该嘉年华提供一个可靠的销售及购买渠道，不仅为合法的榴梿农民和卖家提供渠道，也让用户获得保障。

身处购物平台上的所有交易均受到邮保保障 (Shopee Guarantee) 服务保障，保障



今年新的榴梿销售及购买渠道，线上榴梿嘉年华已在线上上线，为消费者提供便利。

深用户免受任何假式的欺诈。

该嘉年华通过托管方式提供购买渠道，直至买家确认收到所购物品是正品且状况良好时，才会将款项及于卖家。

其中使用 ShopeePay 电子钱包付款的用户，只要在获得批准后最快 15 分钟内完成款项清算和退款，享受无忧的购物体验。

高达 50% 折扣券优惠

除了让在嘉年华期间，线上榴梿嘉年华提供高达 50% 的折扣券优惠，另外特别为首次下单的消费者提供特别优惠，感谢新顾客。

此外，用户可享受高达 60 令立减 15 令券，以及 100 令立减 30 令券的优惠，买得越多折扣越多。同时

也进一步为卖家和消费者创造双赢局面。

榴梿品种繁多

此次大马联邦农业销售局与 Shopee 携手举办的嘉年华，旨在普及线上购买及销售农产品，并协助农民解决因疫情大流行影响，在榴梿旺季或销路不佳的问题。

除了提供丰富的榴梿品种繁多，包括风味独特的榴梿山打根 (D24)、101、红妃等，任君选择。

此外，商家也不能错过以榴梿制成的副产品，如榴梿咖啡、榴梿雪糕、榴梿蛋糕、榴梿饼干、发酵榴梿 (tennyak)、榴梿糕、榴梿酱等，尽享榴梿盛宴。



消费者可透过线上榴梿嘉年华，买到各种优质的榴梿及其副产品。



消费者还可利用优惠卷购买榴梿及其副产品，物有所值。

助业者拓数字市场

由于疫情持续，路不转人转，灵活就业机遇。

疫情影响以及经济新常态，当前的经济形势促使各行各业转线上，农业领域也不例外，线上销售成了其生存策略之一。

有鉴于此，大马联邦农业销售局除提供线上销售渠道外，还通过提供培训、技术支持、物流、营销等服务，助力农民在数字市场站稳脚跟。

该活动除了让卖家“榴梿卖”外，还希望让消费者更了解榴梿，根据消费者的反馈，双方合作向下游的消费者提供优质的产品，让消费者更安心。

与此同时，在大马联邦农业销售局的支持下，大马联邦农业销售局还计划与 FAMA 合作，推动榴梿产业数字化转型，配合政府倡导数字化转型。



211 商贩转型

“我们共办 211 名榴梿商贩进行数字化转型，快速帮助他们参与线上榴梿嘉年华活动，让他们了解，而通过社群平台出现更多榴梿买家的相关话题。”

除了为消费者提供、对卖家和平台上的所有交易提供邮保保障外，还让消费者放心购买。

“我们希望通过与大马联邦农业销售局的合作，帮助消费者更安心，让消费者可以在轻松的环境下，安心享用榴梿的‘水果之王’。”

线上榴梿嘉年华将于 7 月 31 日截止，不要错过，立即拿起手机，登入 Shopee 手机应用程序，点击 eFAMA PLACE，再浏览 <https://shopee.com.my/fama>，选购心仪的榴梿及其副产品。

(资讯)



26 JUL, 2021

Agriculture dept works with Shopee unveils e-Durian festival

Nanyang Siang Pau, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

其中使用ShopeePay电子钱包付款的用户，还能在获得批准后最快15分钟内得到完成退货和退款，享受无忧的购物乐趣。保用户免受任何形式的欺诈。该政策将通过托管方式保留相关款项，直至买家确认收到的货物是正品且状况良好后，才会将款项发放予卖家。网络的便利也让网络骗子的诈骗手法层出不穷。近年在报章上不时传来老千趁机敛财的新闻，有者货不对办，有的直接骗财'所订购的“榴鞋”由始至终不见

Kakitangan LPNM dituduh palsukan dokumen bekalan benih nanas

Johor Bahru: Seorang Pembantu Ehwat Ekonomi di Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini, semalam, atas empat pertuduhan memalsukan dokumen pembekalan benih nanas berjumlah RM41,025, enam tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Hasren Amat Sibani@Fahrudin, 40, mengaku tidak bersalah, selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Abdul Kamal Arifin Ismail.

Hasren didakwa memperdayakan LPNM menerusi dokumen pesanan pembekalan benih nanas mengandungi butiran matan palsu iaitu pembekalan benih nanas tidak dibekalkan seperti dalam tuntutan.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 kerana melakukan perbuatan itu di Pejabat LPNM Malaysia Wilayah Selatan Daerah Pontian antara

April hingga Disember 2015, yang sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun serta denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi.

Pendakwaan kes dilakukan Pegawai Pendakwa SPRM, Ikhwan Ihsan Jalaludin, manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd Saleh Togimir.

Terdahulu, Ikhwan Ihsan memohon mahkamah memberi

jaminan RM30,000 terhadap tertuduh, namun peguam tertuduh memohon jaminan dikurangkan kerana tertuduh menanggung isteri, tiga anak serta dua anak saudara, selain perlu menjalani rawatan fisioterapi akibat badannya cedera terbakar selepas terbabit kemalangan.

Abdul Kamal kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000, selain perlu menyerahkan pasport antarabangsa dan melaporkan diri di pejabat SPRM berhampiran, setiap bulan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 25 Ogos bagi serahan dokumen.



Hasren Amat
Sibani@Fahrudin

26/7/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

13

Kakitangan LPNM didakwa palsu dokumen

JOHOR BAHRU: Seorang Pembantu Etwal Ekonomi di Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) didakwa di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, di sini bagi empat pertuduhan memalsukan dokumen pembekalan benih nanas dengan jumlah keseluruhan RM41.025, enam tahun lalu.

Tertuduh, Hasren Amat Sibani@Fahrudin, 40, yang berjawatan Gred E19 di agensi itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim, Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa menggunakan dengan niat untuk memperdaya LPNM suatu dokumen pesanan pembekalan benih nanas yang mengandungi butiran matan palsu iaitu pembekalan benih nanas tidak dibekalkan seperti mana



HASREN Amat Sibani@Fahrudin didakwa atas pertuduhan memalsukan dokumen pembekalan benih nanas di Mahkamah Sesyen Johor Bahru, Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

dalam tuntutan.

Lelaki itu didakwa melakukan perbuatan terbabit di Pejabat LPNM Wilayah Selatan di dalam Daerah Pontian pada April, Mei

dan Disember 2015.

Bagi perbuatan itu, Hasren didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009

yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama.

Tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika disabit kesalahan.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Ikhwan Ihsan Jalaudin manakala tertuduh diwakili peguam Mohd. Salleh Togimin.

Ikhwan Ihsan mengemukakan jaminan berjumlah RM30,000 bagi perbuatan yang dilakukan. Namun, Mohd. Salleh memohon jaminan dikurangkan kerana tertuduh menanggung seorang isteri, tiga anak serta dua anak saudara selain perlu menjalani rawatan fisioterapi ekoran bahagian badannya terbakar selepas terlibat kemalangan.

Johor Bahru: Seorang pembantu Ehwai Ekonomi Gred E19 di Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat tuduhan memalsukan dokumen pembekalan benih nanas berjumlah RM41,025, enam tahun lalu.

Tertuduh, Hasren Amat Sibani@Fahrudin, 40, membuat pengakuan itu dan memohon dibicarakan di hadapan Hakim, Datuk Abdul Kamal Arifin Ismail.

Hasren didakwa mengemukakan dengan niat untuk memperdayakan LPNM,

Tak mengaku palsukan dokumen benih nanas RM41k

suatu dokumen pesanan pembekalan benih nanas yang mengandungi butiran matan yang palsu iaitu pembekalan benih nanas tidak dibekalkan seperti mana dalam tuntutan.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di Pejabat LPNM Malaysia Wilayah Selatan Daerah Pontian pada April, Mei dan Disember 2015.

Bagi perbuatan itu, ter-

tuduh didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang boleh diukum di bawah Seksyen 24(2) akta yang sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ikhwan Ihsan Jalaudin manakala, tertuduh diwakili peguam, Mohd Saleh Togimin.

Terdahulu, Ikhwan Ihsan memohon mahkamah memberikan jaminan RM30,000 terhadap tertuduh.

Bagaimanapun, peguam tertuduh memohon jaminan

dikurangkan kerana anak guamnya menanggung seorang isteri, tiga anak serta dua anak saudara, selain perlu menjalani rawatan fisioterapi kerana bahagian badannya cedera selepas terbabit kemalangan.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM8,000, selain perlu menyerahkan pasport antarlalu melapor diri di pejabat SPRM berhamiran pada setiap bulan.



HASR

Association working with state govt to help Johor fishermen

By **REMAR NORDIN**
metro@thestar.com.my

JOHOR Fishermen's Association (Josfa) has been working on the welfare of fishermen during the National Recovery Period (NRP) with the state government.

Its chairman Datuk Mohamad Dolmat said the state's ongoing food aid supply for affected fishermen was being distributed through the Area Fishermen Association (PNK).

"Before the pandemic, fishermen could sell their catch at affordable prices to all restaurants, especially seafood eateries.

"They could go home with a good income.

"But since the pandemic started and the movement control order was imposed, they have to control what they catch as there are limited restaurants for them to sell the seafood," he said when contacted.

Mohamad added that Josfa was in touch with its members and those affected would be given food aid.

"We do sympathise with their plight and although the association can only afford to give food aid, we will work with the state government to come up with ways to help them maintain their fishing gear and equipment.

"These are some of the ongoing assistance that we will continue to provide to those in need," he said,

adding that the association would continue to look out for its members during such challenging times.

He added that he was thankful for the Federal Government's RM300 monthly financial aid given to fishermen under the Welfare Assistance Scheme.

"We hope with the monthly financial and food basket aid, we can ease their burden during the NRP," he said.

Mohamad shared that Josfa recently allocated RM20,000 for the education and welfare assistance for needy fishermen's family.

Throughout Johor, there are more than 9,000 fishermen registered with Josfa.



Mohamad: Since the MCO, fishermen have to control the seafood they catch as there are limited restaurants to sell to.

BERNAS edar 3,000 kotak makanan

Inisiatif 'Ikhlas untuk Malaysia' ringankan beban masyarakat terkesan COVID-19

Kuala Lumpur: Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) menggerakkan misi bantuan menerusi inisiatif 'Ikhlas untuk Malaysia',

baru-baru ini.

BERNAS dalam kenyataannya, berkata hampir 3,000 kotak makanan mengandungi pelbagai bimbingan keperluan asas seperti beras, tepung, gula, minyak masak dan lain-lain disediakan bagi membantu masyarakat terkesan akibat pandemik COVID-19.

Katanya, bantuan berkenaan mula diedarkan secara berperingkat kepada penerima di Sarawak, Sabah dan juga Sarawak melalui 33 lokasi pusat operasi BERNAS.

"Ikhlas untuk Malaysia adalah sebahagian pendekatan yang diambil syarikat dalam memastikan kesejahteraan masyarakat di



Antara penerima kotak makanan 'Ikhlas untuk Malaysia' diedarkan di pusat operasi BERNAS.

negara ini terus dipelihara.

"Inisiatif ini diharap dapat meringankan beban masyarakat yang rata-ratanya terjejas punca pendapatan dan memerlukan sokongan bagi meneruskan kelangsungan hidup sepanjang tempoh pelaksanaan 'lockdown' seluruh negara," kata kenyataan itu.

BERNAS berkata, inisiatif itu juga dianggap sebagai salah satu peluang pihaknya untuk menyumbang semula bantuan kepada masyarakat seiring dengan matlamat berkongsi kemakmuran bersama penduduk secara lebih inklusif.



Penerima kotak sumbangan 'Ikhlas untuk Malaysia' bersama warga kerja BERNAS di Kuching, Sarawak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/7/2021	NST	NEWS	10

IKHLAS UNTUK MALAYSIA

Bernas donating 3,000 food boxes to pandemic-hit groups

KUALA LUMPUR: Padiberas Nasional Bhd (Bernas) recently extended assistance to groups affected by the Covid-19 pandemic.

Bernas launched its corporate social responsibility programme,

Ikhlas untuk Malaysia, and will contribute 3,000 food boxes containing basic necessities, including rice, flour, sugar and cooking oil.

In a statement, the company said it had begun distributing

the boxes through its 33 operation centres.

"Ikhlas Untuk Malaysia is part of the approach taken by the company to ensure the well-being of the people in the country," it said yesterday.

"We hope this initiative will alleviate the burden of communities that are affected and need support to continue to survive during the implementation of the lockdown throughout the country," it said yesterday.

As a corporate organisation responsible for the stable supply of rice and food security in the country, Bernas hoped the initiative will also be a way of giving back to society in line with the goal of shared prosperity.



A total of 3,000 food boxes will be distributed nationwide under the Ikhlas untuk Malaysia programme launched by Padiberas Nasional Bhd. PIX COURTESY OF BERNAS



Recipients of food boxes from the Ikhlas Untuk Malaysia programme posing with Bernas employees in Kuching yesterday.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/7/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Bekalan air untuk sektor pertanian mencukupi



Razman (tengah) melakukan lawatan kerja di Apartment Tropicana yang masih di kenakan PKPD. FOTO SHAIFUL SHAHRIN AHMAD PAUZI

Bagan Serai: Kerajaan negeri memberi jaminan bekalan air bagi sektor pertanian mencukupi walaupun berdepan dengan musim kemarau berterusan sehingga September ini.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Razman Zakaria berkata, di daerah Kerian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sedang memantau bekalan air di empangan Bukit Merah.

Menurutnya, pihaknya yakin catuan terancang maka bekalan air untuk kegunaan domestik dan pertanian mencukupi biarpun berlaku sedikit penyusutan,

"Bekalan air di empangan (Bukit Merah) ini sememangnya berkait rapat dengan pertanian dan juga kegunaan harian penduduk daerah Kerian.

"Biarpun terdapat penyusutan disebabkan kemarau, namun kita yakin dengan kaedah catuan yang dibuat maka ianya mampu menampung kegunaan pesawah dan penduduk," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) di Apartmen Tropicana Bukit Merah, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pegawai Daerah Kerian, Mohd Sabli Bakri dan Ketua Polis Daerah Kerian, Superintendan Mazuki Mat.

Sementara itu, ditanya mengenai kenaikan harga input pertanian Razman berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu membuat siasatan.

"Harga racun yang dikatakan meningkat antara 40 hingga 80 peratus itu memberi impak besar kepada pesawah di musim pandemik Covid-19 ini," katanya.

26/7/2021

SINAR

NEGERI

33

HARIAN

KEDAH/

PERAK

Bekalan air sektor pertanian mencukupi

Penyusutan air Empangan Bukit Merah di Semanggol terkawal, JPS lakukan pemantauan

Oleh NORMAWATI ADNAN

BAGAN SERAI

Bekalan air bagi kegunaan sektor pertanian terutamanya pengairan sawah di Perak mencukupi meskipun negara berdepan musim kemarau berterusan sehingga September depan.

Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, pada ketika ini Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melakukan pemantauan rapi berkaitan perkara itu.

“Saya dimaklumkan ada berlaku sedikit penyusutan di Empangan Bukit Merah di Semanggol, namun ia masih terkawal dengan catuan terancang daripada pihak JPS kerana bekalan dari situ bukan sahaja berkait rapat dengan pertanian tetapi juga bagi kegunaan domestik.

“Kita beri jaminan bekalan air untuk kegunaan pertanian tidak akan terganggu di negeri ini,” katanya kepada pemberita ketika ditemui di Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) Perintah

Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Apartment Tropicana Bukit Merah di sini pada Ahad.

Menurutnya, pada ketika ini musim padi di daerah Kerian masuk kepada musim menuai dan penggunaan bekalan air adalah tidak diperlukan.

“Musim baru dijadualkan bermula pada September nanti.

Jadi dalam tempoh ini penggunaan air bagi sektor pertanian dapat disusun sebaiknya agar tidak terjejas,” katanya.

Mengulas mengenai kenaikan harga input pertanian seperti racun, Razman berkata, peningkatan antara 40 hingga 80 peratus itu perlu diteliti sebaiknya agar tidak membebankan petani.

“Kementerian berkaitan terutamanya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu membuat siasatan bagi me-



Razman (tengah) bersama Pegawai Daerah Kerian, Mohd Sabli Bakri ketika meninjau PKTK PKPD di Apartment Tropicana Bukit Merah pada Ahad.

ngetahui punca kenaikan itu.

“Kita tidak mahu ia berlaku disebabkan ada pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan dengan alasan bekalan karang dan sebagainya disebabkan pan-

demik Covid-19,” katanya.

PKPD di Apartment Tropicana Bukit Merah telah dilaksanakan selama dua minggu bermula 17 Julai lalu melibatkan 159 penghuni.

26/7/2021

SINAR
HARIANNEGERI
TERENGGANU/
KELANTAN

32

Tiga tan durian habis dalam 3 jam

Seorang pemborong di Besut sediakan tiga tan durian kampung setiap hari untuk dijual kepada orang ramai

Oleh RAHAYU MUSTAFA

BESUT

Tindakan seorang pemborong di Kampung Jabi di sini menjual durian dengan harga RM2 sebiju membuatkan tiga tan raja buah itu habis dijual dalam tempoh 3 jam sejak seminggu lalu.

Bukan keuntungan yang dicari tetapi Northidayu Mustafar, 27, dan suaminya, Mohd Azli Abu Bakar, 32, berhasrat membolehkan semua golongan termasuk B40 dapat menikmati durian dengan harga mampu

milik.

Menurut Northidayu, harga RM2 sebiju durian tidak menjanjikan keuntungan tinggi, namun dia tetap menjualnya sebagai tanda penghargaan kepada pelanggan yang setia menyokong perniagaan buahnya.

"Durian RM2 memang dijual setiap hari. Niat saya supaya semua orang boleh dan mampu makan durian bersama dengan harga masing-masing."

"Untung memang tidak banyak, tapi saya harap harga yang saya tawarkan ini dapat memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan dan berpendapatan rendah dapat merasakan buah durian."

"Lebih-lebih lagi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana ramai orang tiada punca pendapatan akibat hilang pekerjaan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau yang mengusahakan perniagaan memborong buah-buahan sejak tujuh tahun lalu berkata, selain durian RM2, kedainya turut menyediakan durian pelbagai gred lain dengan harga berpatutan.

Katanya, pelanggan boleh memilih sama ada durian berharga RM4, RM6, RM8, RM10 sebiju atau gred lebih berkualiti tinggi yang dijual dengan harga RM3.50 sekilogram termasuk jenis musang king berharga RM40 sekilogram.

Sebanyak 10 tan durian pelbagai gred yang diambil setiap hari dari pekebun sekitar Keruak, Hulu Besut akan dijual bermula jam 10 pagi.

"Semua buah durian yang kami jual memang *fresh* kerana kami ambil terus dari kebun pada setiap pagi."

"Pelanggan boleh pilih sendiri durian yang mereka mahu dan jika ada buah rosak atau tidak elok, kami akan ganti lain."



Northidayu memajukan buah durian kampung yang dijual dengan harga RM2 sebiju di kedainya di Jabu, Besut.

Kebiasannya stok akan habis setiap hari dengan buah durian RM2 sebiju licin sekitar jam 1 tengah hari," katanya.

Selain jualan kepada penduduk sekitar daerah Besut,

pasangan yang merupakan pemborong buah-buahan di dalam dan luar negara melalui syarikat Zelay Enterprise turut mengedarkan buah durian ke pasaran luar Terengganu.

Kuala Lumpur

Sebanyak 907,065 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia mengharungi tempoh yang amat tidak menentu ketika ini - dari sehari ke sehari kelihatannya amat mustahil bagi mereka untuk meramalkan apa yang akan berlaku seterusnya.

Perniagaan di seluruh negara terjejas teruk selepas penularan pandemik Covid-19 yang sampai sekarang nampaknya masih tidak ada penghujungnya.

Dalam hal ini, usahawan perlu untuk hidup dalam keadaan norma baharu, yang sudah tentunya akan banyak membabitkan penggunaan teknologi apabila perniagaan mengambil iktibar semasa penularan pandemik tersebut, kata seorang ahli ekonomi.

Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd Mohd Afzanizam Abdul Rashid berkata, perniagaan kecil perlu mengetahui bagaimana mereka boleh mendapatkan bantuan bagi menambah baik operasi perniagaan, jualan dan segmentasi pasaran mereka dengan menerapkan penggunaan teknologi dalam setiap aspek perniagaan.

Justeru itu, katanya, semua PKS perlu meneliti apakah bantuan yang disediakan agensi kerajaan berkaitan yang boleh membantu mereka mentransformasikan perniagaan mereka dengan cara yang paling cekap dan kos efektif.

Sebagai contoh, geran padanan bernilai sehingga RM5,000 yang disediakan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) bagi mendigitalkan perniagaan perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh PKS berkaitan dengan penerimaan pakai teknologi.

"Dari satu segi, pandemik



USAHAWAN PKS perlu meneliti bantuan disediakan agensi kerajaan berkaitan yang boleh membantu mentransformasikan perniagaan.

907,065 PKS TERUJI AKIBAT PANDEMIK

MENDEPANI FASA TIDAK MENENTU

ini menyedarkan PKS bahawa ancaman terhadap perniagaan boleh datang dalam pelbagai bentuk keadaan. Oleh itu, amat penting bagi mereka untuk bersiap siaga menghadapi cabaran dan bertindak pantas menanganinya," katanya.

Mohd Afzanizam berkata, selain daripada pendigitalan dan penerimaan pakai teknologi, perniagaan perlu terbuka untuk mempelbagaikan hasil mereka dan ini bermakna mereka perlu meneroka industri lain supaya mereka tidak terlalu bergantung kepada hanya satu sumber hasil.

"Barangkali, menjalin usaha sama atau mencari rakan kongsi boleh menjadi

pilihan untuk melindungi bahagian pasaran dan memperoleh kecekapan operasi," syor beliau.

Menjelas lebih lanjut, beliau berkata, penyelidikan dan pembangunan serta menambah kemahiran memerlukan masa dan penggunaan wang.

Menurutnya, PKS tidak begitu yakin pelaburan sedemikian akan membantu melindungi mereka daripada ancaman persaingan sengit dan kejutan ekonomi.

"Bagi merapatkan jurang antara faktor kebimbangan

mereka dengan apa yang tersedia kepada mereka, libat urus berterusan dengan agensi kerajaan berkaitan akan membantu PKS mendapat gambaran jelas bagaimana mereka perlu memanfaatkan

langkah-langkah dan insentif yang disediakan oleh kerajaan.

"Ia mungkin termasuk menganjurkan bengkel, persidangan dan pamedangan yang boleh membantu mengurangkan kebimbangan atau salah faham dalam kalangan PKS mengenai keperluan untuk

menambah kemahiran perniagaan mereka," katanya.

Sementara itu, Ketua Perbankan Komersial HSBC Malaysia, Andrew Siff berkata PKS perlu mempunyai asas pengurusan tunai yang tepat dan kukuh.

Beliau berkata, prinsip asas seperti menyediakan pembayaran dengan data nilai yang tepat, mengumpulkan belum terima dengan penyesuaian masa nyata dan membayar inoivis tepat pada masanya, akan menyediakan lebih banyak manfaat berbanding berjimat beberapa ribu dolar daripada hasil perbincangan penentuan harga yang sukar atau merundingkan tarif yang betul.

"Penting bagi PKS untuk bersiap siaga menghadapi cabaran"

Mohd Afzanizam

PKS perlu teroka kaedah baharu

Rebut bantuan kerajaan dalam mentransformasikan perniagaan dengan cara yang paling cekap

KUALA LUMPUR

Sebanyak 907,065 perusahaaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia mengharungi tempoh yang amat tidak menentu ketika ini.

Dari hari ke sehari kelihatan amat mustahil bagi mereka untuk meramalkan apa yang akan berlaku seterusnya.

Perniagaan di seluruh negara terjejas teruk selepas penularan pandemik Covid-19 yang saripai sekarang nampaknya masih tidak ada penghujungnya.

Dalam hal ini, usahawan perlu untuk hidup dalam keadaan norma baharu, yang sudah tentunya akan banyak melibatkan penggunaan teknologi apabila perniagaan mengambil iktibar semasa penularan pandemik tersebut, kata seorang ahli ekonomi.

Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afranizam Abul Rashid berkata, perniagaan kecil perlu mengetahui bagaimana mereka boleh mendapatkan bantuan bagi menambah baik operasi perniagaan, jualan dan segmentasi pasaran mereka dengan menerap-

kan penggunaan teknologi dalam setiap aspek perniagaan.

Justeru, katanya, semua PKS perlu meneliti bantuan yang disediakan agensi kerajaan berkaitan yang boleh membantu mereka mentransformasikan perniagaan mereka dengan cara yang paling cekap dan kos efektif.

Sebagai contoh, geran padanan bernilai sehingga RM5,000 yang disediakan oleh Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bagi mendigitalkan perniagaan perlu dimanfaatkan PKS berkaitan dengan penerimaan pakai teknologi.

"Dari satu segi, pandemik ini telah menyedarkan PKS bahawa ancaman terhadap perniagaan boleh datang dalam pelbagai bentuk keadaan. Oleh itu, amat penting bagi mereka untuk bersiap siaga menghadapi cabaran dan bertunduk pantas menanganinya," katanya.

Ujar beliau, perniagaan perlu terbuka untuk pelbagaikan hasil mereka dan ini bermakna mereka perlu meneroka industri lain agar mereka tidak terlalu bergantung kepada hanya satu sumber hasil. "Barangkali, menjalin usaha sama atau mencari rakan kongsi boleh menjadi pilihan untuk melindungi bahagian pasaran dan memperoleh kecekapan operasi," syor beliau.

Menjelmas lebih lanjut, beliau berkata, penyelidikan dan pembangunan serta menambah ke-mahiran memerlukan masa dan penggunaan wang.



Petaja kecil perlu memanfaatkan teknologi agar dapat bertahan dalam cabaran pandemik.

Menurutnya, PKS tidak begitu yakin pelaburan sedemikian akan membantu melindungi mereka daripada ancaman persaingan sengit dan kejutan ekonomi.

"Bagi merapatkan jurang antara faktor kebimbangan mereka dengan apa yang tersedia kepada mereka, libat urus berterusan dengan agensi kerajaan berkaitan akan membantu PKS mendapat gambaran jelas bagaimana mereka perlu memanfaatkan langkah-langkah dan insentif yang disediakan oleh kerajaan.

"Ia mungkin termasuk meng-anjurkan bengkel, persidangan dan pameran yang boleh membantu mengurangkan kebimbangan atau salah faham dalam kalangan PKS mengenai keperluan untuk menambah kemahiran perniagaan," katanya.

Sementara itu, Ketua

kerja atau sebaliknya," katanya. Menurutinya, mempunyai fleksibiliti tunai seumpama ini membolehkan PKS untuk membuat bayaran yang lebih cepat kepada pembekal dan membincangkan kadar dan terma yang lebih memuaskan.

Penyelesaian ini merangkumi pembiayaan belum terima pengurusan pembiayaan dengan menerima modal yang setara dengan baki belum jelas invois yang telah dibilkan, namun belum dibayar.

Menurutnya, yang kedua, pembiayaan ramaian bekalan - penyelesaian automatik bagi menyokong urus niaga yang lebih efisien, membolehkan pembekal meluluskan invois dan mengakses modal bersama diskaun dan akhir sekali dan tidak kurang pentingnya jaminan, yang boleh dibetulkan untuk membantu syarikat membuat tuntutan tidak membayar wang.

Tidak ada sesiapa yang mampu menganggarkan impak sepenuhnya daripada pandemik ini, namun jelas sekali kesan ekonomi terhadap rakyat dan syarikat adalah amat besar.

Bagi membantu PKS mempercepatkan pendigitalan, platform perkhidmatan pendigitalan vendor, WhyQ, baru-baru ini berkembang ke pasaran Malaysia dengan sasaran mendigitalkan perusahaan mikro, kecil dan sederhana melalui penyelesaian moden dan maju yang dipertukan untuk menjalankan perniagaan.

- Bernama

Perbankan Komersial HSBC Malaysia, Andrew Sill berkata, PKS perlu mempunyai asas pengurusan tunai yang tepat dan kukuh.

Beliau berkata, prinsip asas seperti menyediakan pembayaran dengan data nilai yang tepat, mengumpul data belum terima dengan penyesuaian masa nyata dan membayar invois tepat pada masanya, akan menyediakan lebih banyak manfaat berbanding berjimat beberapa ribu dolar daripada hasil perbincangan penurunan harga yang sukar atau merundingkan tarif yang betul.

"Sebaik sahaja perniagaan telah memperkukuhkan pendekatan mereka ke atas pengurusan tunai, mereka berkecenderungan baik untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat, sama ada perlu meminjam untuk menambah modal

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/7/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	37

PKS perlu teroka kaedah baharu bina pemiagaan

Sejumlah 907,065 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia yang mengharungi tempoh yang amat tidak menentu dari hari ke sehari, kelihatannya amat mustahil bagi mereka untuk meramalkan apa yang akan berlaku seterusnya.

Perniagaan di seluruh negara terjejas teruk selepas penularan COVID-19 yang hingga kini masih tidak ada penghujungnya.

Dalam hal berkenaan, usahawan perlu untuk hidup dalam keadaan norma baharu yang tentu banyak melibatkan penggunaan teknologi apabila perniagaan mengambil iktibar semasa penularan pandemik berkenaan, kata penganalisis ekonomi.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata perniagaan kecil perlu mengetahui bagaimana mereka boleh mendapatkan bantuan bagi menambah baik operasi perniagaan, jualan dan segmentasi pasaran mereka dengan menerapkan penggunaan teknologi dalam setiap aspek perniagaan.

Katanya, semua PKS perlu meneliti apakah bantuan yang disediakan agensi kerajaan berkaitan yang boleh membantu mentransformasikan perniagaan mereka dengan cara paling cekap dan kos efektif.

Sebagai contoh, geran padanan bernilai sehingga RM5,000 yang disediakan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) bagi mendigitalkan perniagaan perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh PKS berkaitan dengan penerimaan pakai teknologi.

"Dari satu segi, pandemik ini menyedarkan PKS bahawa ancaman terhadap perniagaan boleh datang dalam pelbagai bentuk keadaan. Oleh itu, amat penting bagi mereka untuk bersiap siaga menghadapi cabaran dan bertindak pantas menangannya," katanya.

Mohd Afzanizam berkata, selain pendigitalan dan penerimaan pakai teknologi, perniagaan perlu terbuka untuk mempelbagaikan hasil perniagaan dan ini bermakna mereka perlu meneroka industri lain agar mereka tidak terlalu bergantung kepada hanya satu sumber hasil.

"Barangkali, menjalin usaha sama atau mencari rakan kongsi boleh menjadi pilihan untuk melindungi bahagian pasaran dan memperoleh kecekapan operasi," syor beliau.

Menjelas lebih lanjut, beliau berkata, penyelidikan dan pembangunan serta menambah kemahiran memerlukan masa dan penggunaan wang. BERNAMA

Pertanian makanan ringankan beban golongan terjejas Covid-19

PERSPEKTIF

DATUK
TENGGU
HAMMUL
BAHRIN



DATUK DR
SOTHI
RACHAGAN

Pandemik Covid-19 telah berlanjutan selama 18 bulan dan tiada sesiapa yang dapat meramalkan bila ia akan berakhir. Ramai yang telah diberhentikan kerja atau dikurangkan masa kerja mengakibatkan kehilangan atau kekurangan pendapatan menyebabkan kesempitan hidup bagi ribuan rakyat.

Oleh kerana terdesak, ramai telah hilang perasaan segan untuk meminta pertolongan daripada mana-mana sumber yang ada. Pergerakan bendera putih adalah ekspresi keadaan mereka ini.

Masyarakat yang bermurah hati telah menghulurkan bantuan tetapi ini bukanlah satu cara penyelesaian untuk jangka panjang. Mereka yang dibantu belum tentu dapat kembali bekerja seperti sediakala.

Negara kita telah banyak terjejas dan topografi ekonomi pasca-Covid-19 tentunya akan berubah. Ia pasti tidak akan kembali kepada seperti sediakala. Kita bukan hanya perlu memberi bantuan segera kepada mereka yang mengalami kesempitan hidup, malah harus juga menawarkan alternatif jangka panjang terutama sekali untuk mereka yang tidak akan dapat kembali ke pekerjaan zaman pra-Covid-19. Kita memerlukan sesuatu kaedah yang boleh memindahkan seramai yang mungkin daripada keadaan yang mengharapakan belas ihsan kepada keadaan di mana mereka boleh hidup berdikari.

Mengutamakan agromakanan

Pada tahun 2019, sektor pertanian hanya menyumbang sekitar 7.28 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berbanding kepada sektor perindustrian yang menyumbang sekitar 37.42 peratus dan sektor perkhidmatan sekitar 54.17 peratus. Sumbangan sektor pertanian telah menunjukkan penurunan dari setahun ke setahun.

Hanya sekitar seperempat (26.6 peratus) dari 329,847 kilometer persegi, yang merupakan keluasan tanah negara ini, digunakan untuk pertanian. Sebahagian besarnya digunakan untuk penanaman kelapa sawit (75 peratus) dan getah (15 peratus). Hanya lebih kurang 5,900 kilometer persegi (8 peratus) digunakan untuk penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan penternakan.

Tidak menghairankan Malaysia mempunyai defisit imbalan perdagangan sektor makanan yang semakin ketara.

Ramai yang percaya bahawa pe-



Program pertanian bandar membantu memanfaatkan tanah kosong di sekitar kawasan kediaman untuk aktiviti bercucuk tanam.

nambahan tanah untuk pertanian hanya boleh didapati melalui penebangan hutan. Ini adalah tidak benar kerana ada tiga sumber yang boleh diterokai iaitu tanah pertanian yang terbiar, tanah kosong di kawasan bandar dan tanah di bawah laluan pencawang elektrik.

Masih banyak lagi tanah yang terbiar yang boleh dimobilisasikan oleh kerajaan untuk kegunaan mereka yang ingin bertani.

Istilah tanah kosong tidak mempunyai definisi tepat kerana ia merangkumi banyak jenis petak tanah yang tidak digunakan atau kurang digunakan seperti tanah kehilang yang tidak diusahakan, tanah terbiar, tanah dengan bangunan dan struktur terbengkalai serta tanah yang pernah dibangunkan tetapi telah ditinggalkan dan diabaikan.

Masalah definisi yang tepat dan kesukaran mengetahui status penggunaan sebenar tanah-tanah tersebut menyukarkan pegawai kerajaan untuk menetapkan jumlah keluasan tanah kosong dengan tepat. Perancang bandar biasanya menganggarkan sekurang-kurangnya 10 peratus dari keseluruhan kawasan tanah ibu kota dan 10-15 peratus di pusat bandar lain adalah tanah kosong. Dengan menggunakan peratusan ini, Kuala Lumpur dianggarkan mempunyai hampir 26 kilometer persegi tanah kosong, dan pusat bandar lain secara kumulatif memiliki tanah kosong yang lebih luas.

Sebilangan besar tanah kosong adalah milik kerajaan. Oleh itu, kegunaan tanah-tanah ini untuk kegunaan penanaman atau penternakan mungkin dapat dibenarkan melalui Lesen Pendudukan Sementara (TOL) atau secara pajakan.

Koridor penghantaran elektrik

Pembekalan elektrik memerlukan pembinaan talian pembekalan elektrik. Koridor penghantaran elektrik iaitu tanah yang terletak di bawah dan bersebelahan dengan talian bekalan elektrik voltan tinggi mempunyai kelebaran yang berbeza. Ia bergantung pada voltan talian pembekalan dan kegunaan asal tanah itu.

Di kawasan hutan, kelebaran mestilah di antara 30m hingga 35m. Untuk kawasan lain, kelebaran yang diperlukan hanya di antara 20m hingga 25m sahaja.

Koridor penghantaran elektrik yang sedia ada di Semenanjung Malaysia adalah sepanjang 24,607km. Jika dikalikan dengan kelebaran 25m, jumlah kawasan tanah koridor hantaran elektrik sedia ada adalah 615.18 kilometer persegi (lebih dari 237.5 batu persegi). Ini adalah kawasan tanah yang besar dan sebahagian signifikan dapat digunakan untuk aktiviti pertanian.

Pada mulanya, TNB telah mendapatkan tanah milik kerajaan atau persendirian dengan pelbagai cara - pembermilikan (*alienation*), pembelian langsung, TOL atau pajakan seperti yang diperuntukkan dalam Kanun Tanah Negara tetapi sejak 2010, TNB telah menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960.

Dalam kes pajakan tanah, pemilik tanah asal masih mempunyai hak untuk mengusahakan tanah tersebut, tetapi hak ini lupus untuk tanah yang diambil melalui Akta Pengambilan Tanah. Bagaimanapun, TNB boleh menyewakan tanah yang diperolehinya kepada sesiapa sahaja untuk urusan pertanian atau penggunaan lain yang sesuai dengan penggunaan utama sebagai koridor penghantaran elektrik.

TNB tidak keberatan untuk membenarkan aktiviti bercucuk tanam di tanah mereka bagi tujuan 'menghijaukan' kawasan kosong di bawah talian pembekalan dan pada masa sama mengurangkan penyelenggaraan pertumbuhan liar dan pencerobohan ke kawasan tersebut.

Perlembagaan Malaysia menetapkan bahawa segala hal ehwal dalam pentadbiran tanah adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Di Semenanjung Malaysia, tanah ditadbir oleh pihak berkuasa negeri masing-masing berdasarkan Kanun Tanah Negara. Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang tanah mereka sendiri iaitu Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) dan Kanun Tanah Sarawak (Bab 81). Kerajaan negeri boleh mempermudah proses penggunaan tanah kosong untuk mereka yang

ingin mencari nafkah dengan aktiviti penanaman atau penternakan.

Kerajaan negeri juga perlu menubuhkan unit khusus bagi mengatasi proses birokrasi yang kompleks untuk mengenal pasti bidang-bidang tanah yang boleh dipakai dan memberi kelulusan secepat mungkin untuk pemohon yang layak. Di samping itu, program sebegini harus diberi publisiti secukupnya. Individu yang berminat untuk mengambil bahagian patut dibenarkan untuk mengenal pasti petak tanah yang sesuai.

Kerajaan negeri juga perlu bekerjasama dengan Jabatan Pertanian yang mempunyai program aktif untuk menyokong pertanian dalam kawasan bandar. Program Pembangunan Pertanian Komuniti dan Program Pertanian Bandar perlu dipertingkatkan dengan segera.

Pertanian bandar

Program Pembangunan Pertanian Komuniti yang dijalankan dengan persetujuan pihak berkuasa tempatan membolehkan setiap peserta mengusahakan tiga hingga lima barisan/batas untuk menanam sayur-sayuran, jagung, dan buah-buahan seperti betik dan pisang.

Program ini patut diperkembangkan lagi ke arah pembangunan ladang komuniti untuk membolehkan sekumpulan petani mengusahakan ladang-ladang bersebelahan secara berkelompok yang menggunakan ekonomi skala besar.

Banyak pihak berkuasa di negara-negara lain mengadakan program pertanian bandar untuk melatih komuniti petani bandar meningkatkan kecakapan dan pengetahuan pertanian. Ia juga dapat mempromosikan peluang pekerjaan alternatif untuk penduduk bandar. Ini patut dicontohi dalam keadaan pandemik sekarang yang sedang meruncing.

Usaha untuk mendorong rakyat untuk bertani akan mendapat faedah sampingan iaitu mengoptimalkan sumber nasional untuk pengeluaran makanan semasa dan untuk masa hadapan. Peningkatan hasil makanan tempatan akan membantu mengurangkan defisit imbalan perdagangan sektor makanan yang semakin meningkat, meningkatkan sekuriti makanan negara, dan membantu mengawal harga makanan.

Objektif utama untuk program pertanian sebegini adalah untuk membantu golongan miskin berdiri sendiri. Amat penting untuk program sebegini tidak dipersertajati oleh ahli politik dan mereka yang berpengaruh serta bersifat tamak bagi mendapatkan untuk diri sendiri.

*Profesor Emeritus Datuk Tengku Shamsul Bahrin ialah Canselor Nilai University
*Profesor Emeritus Datuk Dr-Sothi Rachagan ialah Naib Canselor Perdana University dan Nilai University

Kampus



Oleh KHAIRIYAH HANAFI

BERBUDI kepada tanah pasti ada hasilnya. Itulah ungkapan yang biasa dikaitkan dengan aktiviti pertanian kerana ia bukan sahaja memberikan hasil yang boleh dituai untuk kegunaan sendiri, malah boleh juga menjadi pendapatan kepada mereka yang mencuburi bidang ini.

Menyedari hasil yang boleh diperolehi daripada bercucuk tanam, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kini giat mempromosikan prosumerisme pertanian kepada warga kampusnya.

Prosumerisme bermaksud seseorang atau organisasi bukan hanya menjadi pengguna, tetapi pada masa sama turut mengeluarkan produk yang mereka perlukan.

Tidak lagi mahu menjadi seorang pengguna semata-mata, USIM ingin melihat kaktangan dan pelajarannya turut menjadi pengeluar produk dan pertanian adalah satu lapangan yang boleh diceburi mereka.

Selain itu, pihak universiti juga mahu mendedahkan warga kampus kepada bidang pertanian yang mampu membantu dalam menjamin kelestarian sumber dan mengurangkan ketergantungan kepada pihak luar.

Ini disebabkan mereka kini boleh menghasilkan sendiri.

Bagi menyahtu seruan itu, bermula Disember tahun lalu, Jabatan Keselamatan USIM menggerakkan projek pembudayaan prosumerisme dalam kalangan kaktangannya dengan tanaman rock melon fasa satu.

Selepas hampir empat bulan, tanaman tersebut membuah hasil dan baru-baru ini, tuai hasil pertama rock melon dipetik dalam satu majlis disempurnakan oleh Naib Canselor universiti tersebut, Prof. Datuk Dr. Mohamed Ridza Wahiddin.

Menurut penyelaras projek tanaman rock melon daripada Jabatan Keselamatan USIM, Rozaimi Kamaruddin, sebanyak 400 biji rock melon berjaya dipetik dari fasa pertama ini dan pencapaian tersebut disifatkan sangat memberangsangkan:

"Tanaman ini mengambil masa sekitar 75 hari dari hari pertama benih disemai bagi membolehkan kita mendapatkan saiz buah matang dengan kualiti isi dan rasa yang manis selepas dipetik.

"Bagi hasil tuai pertama ini, ia diberikan secara percuma kepada kaktangan USIM.

"Kita menyasarkan sebanyak 10,000 polibeg rock-melon dapat ditanam di dalam kampus menjelang akhir tahun 2021," ujarnya.

Tanaman rock melon menggunakan teknologi fertigasi terkini seperti penyemburan baja dan air secara automatik, selain mendapat bimbingan daripada usahawan alumni pertanian USIM dan Jabatan Pertanian Negeri Sembilan.

Selain rock melon, pihak universiti terbabit turut menggerakkan agenda prosumerisme pertanian melalui



PROJEK pertanian dalam kampus mendedahkan warganya kepada bidang pertanian dan menggalakkan mereka menanam sendiri hasil tani.

Warga USIM dilatih hasilkan produk pertanian



DR. MOHAMED RIDZA (kiri sekali) menunjukkan tanda bagus hasil tuai pertama rock melon di USIM baru-baru ini.



KAKITANGAN USIM sentiasa membuat pemeriksaan ke atas pokok nanas MD2 yang ditanam di kampus universiti itu bagi mempembagikan hasil pertanian.

tanaman nanas MD2 yang diterajui oleh Pusat Sukan USIM di dalam kawasan kampus.

Bermula Februari tahun lepas, Pusat Sukan telah mengusahakan secara kecil-kecilan tanaman nanas MD2 ini dengan jumlah 1,000 pokok.

Sumber kewangan awal bagi menggerakkan projek ini adalah daripada sumbangan kakitangan USIM sendiri.

Menurut Pegawai Kañan Balia dan Sukan USIM yang juga ketua projek tanaman itu, Nur Ekhmal Buhary, objektif utama yang ingin dicapai melalui tanaman nanas MD2 ini adalah untuk meningkatkan pendapatan warga USIM.

Katanya, ini terutama untuk membantu golongan B40 dalam meneruskan kelangsungan hidup pasca pandemik global.

Selain itu, jelasnya, ia turut bertujuan meningkatkan bilangan syarikat milik warga USIM yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia selaku pencipta kerja dan menambah bilangan inkubator keusahawanan berasaskan prosumerisme dalam kampus.

"Sehingga Mac lalu, kita telah jalankan beberapa siri Kursus Asas Pra-Pengenalan Tanaman Projek Prosumer Nanas MD2 dengan penglibatan seramai 25 orang peserta ta.

"Selain itu, bagi menggalakkan penglibatan jabatan-jabatan lain di USIM, kita telah agihkan kit pemula (starter kit) tanaman nanas MD2 iaitu 50 sulur nanas berserta 10 beg tanah organik, polibeg dan baja kepada beberapa pihak.

"Ia termasuk Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes), Jabatan Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti, Pusat Perumahan Pelajar dan Pusat Kelestarian dan Kesejahteraan," katanya.